# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 22 DISEMBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br>5.<br><br>6.<br><br>7. | JABATAN PERTANIAN TIDAK TERBABIT URUSAN PERMIT TAPAK PERKHEMAHAN, SH – ONLINE<br>JABATAN PERTANIAN TIDAK TERBABIT DALAM URUSAN PERMIT TAPAK PERKHEMAHAN, BH - ONLINE<br>AGRICULTURE DEPT DENIES SAYING CAMPSITE LICENSE NOT REQUIRED, THE VIBES – ONLINE<br>DOA NEVER DISCUSSED ISSUING CAMPSITE PERMIT, THE SUN DAILY – ONLINE<br>AGRICULTURE DEPT DENIES DISCUSSING CAMPSITE LICENSE REQUIREMENTS, MALAYSIAKINI – ONLINE<br>BATANG KALI LANDSLIDE: WE NEVER SAID CAMPING LICENSES ARE NOT NEEDED, SAYS AGRICULTURE DEPT, THE STAR – ONLINE<br>BATANG KALI LANDSLIDE: AGRICULTURE DEPT SAYS NEVER DISCUSSED ISSUING CAMPSITE PERMIT WITH OPERATOR OF FATHER'S ORGANIS FARM, THE MALAY MAIL -ONLINE | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 8.<br>9.<br><br>10. | AGROBANK TAWAR MORATORIUM ENAM BULAN, NASIONAL, SH -3<br>AGROBANK TAWAR MORATORIUM ENAM BULAN KEPADA PELANGGAN TERJEJAS BANJIR, EKONOMI, UM -36<br>AGROBANK OFFERS ASSISTANCE FOR CUSTOMERS AFFECTED BY FLOODS, THE MALAY MAIL - ONLINE | AGROBANK |
| 11.<br>12.<br>13. | PASTIKAN KUALITI, HARGA TELUR IMPORT TERJAMIN, DALAM NEGERI, UM-7<br>TELUR, MINYAK MASAK PEKET MASIH KURANG, NEGARA, KOSMO -16<br>EGG SHORTAGE IN ONE-THIRD OF OUTLETS IN SELANGOR, NATION, THE STAR -2 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Jabatan Pertanian tidak terbabit urusan permit tapak perkhemahan



Keadaan tanah runtuh berhampiran tapak perkhemahan di Father's Organic Farm, Batang Kali. -Foto Bernama

SHAH ALAM - Jabatan Pertanian menafikan dakwaan pihaknya memaklumkan tiada lesen tapak perkhemahan yang boleh dipohon oleh pengusaha Father's Organic Farm.

Jabatan Pertanian dalam satu kenyataan berkata, pihaknya tidak mempunyai autoriti untuk memberi permit, lesen atau khidmat nasihat kepada mana-mana pengusaha yang menyediakan tapak perkhemahan.

Menurut kenyataan itu, Jabatan Pertanian khususnya Pejabat Pertanian Daerah Hulu Selangor tidak pernah memberi ulasan atau berbincang berkenaan permit tapak perkhemahan atau sebagainya dengan pengusaha Father's Organic Farm.

"Ini kerana, perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa Jabatan Pertanian.

"Kami hanya berperanan memberi khidmat nasihat berkaitan proses dan kaedah untuk mendapatkan pensijilan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) serta lawatan berkaitan proses tersebut di Father's Organic Farm,"ujarnya pada Rabu.

Perkara itu dikeluarkan oleh jurucakap tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Frankie Tan dalam sidang media yang diadakan di Kuala Lumpur pada 19 Disember 2022.

Pengusaha tapak perkhemahan Father's Organic Farm di Batang Kali, Selangor yang mengalami bencana tanah runtuh pada Jumaat lalu memaklumkan dia tidak dapat membuat permohonan mendapatkan lesen tapak perkhemahan kerana permit seperti itu tidak wujud.

Frankie Tan berkata, dia diberitahu oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk jabatan pertanian bahawa tiada lesen sedemikian boleh dipohon oleh pengusaha tapak perkhemahan.

Tambah Jabatan Pertanian, pihaknya berfungsi untuk memberikan khidmat pengembangan pertanian dalam pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.

"Selain itu, kami turut menguatkuasakan akta-akta yang menjaga keselamatan, kualiti dan melindungi industri pertanian negara dari ancaman perosak dan penyakit serta memudahkan perdagangan antarabangsa," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

Rabu, 21 Disember 2022 | 7:02pm



Pengusaha tapak perkhemahan di Father's Organic Farm, Frankie Tan.



Tapak perkhemahan yang terbabit dalam tragedi tanah runtuh di Batang Kali beroperasi tanpa lesen dan menyalahi Akta 133 Akta Parit dan Bangunan. - Foto IHSAN BOMBA

# Jabatan Pertanian tidak terbabit dalam urusan permit tapak perkhemahan

KUALA LUMPUR: Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) menegaskan pihaknya tidak terbabit langsung dalam sebarang perkara berkaitan kelulusan permit tapak perkhemahan Father's Organic Farm seperti yang didakwa oleh pengendalinya, Frankie Tan.

DOA dalam satu kenyataan menyebut, dakwaan itu tidak benar sama sekali dan memaklumkan, peranan DOA adalah hanya memberi khidmat nasihat berkaitan proses dan kaedah untuk mendapatkan pensijilan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) serta lawatan berkaitan proses pensijilan di tapak perkhemahan itu.

"DOA khususnya Pejabat Pertanian Daerah Hulu Selangor tidak pernah memberi ulasan atau berbincang dengan pengusaha Father's Organic Farm berkaitan permit tapak perkhemahan dan sebagainya kerana perkara itu adalah di luar bidang kuasa DOA.

"Selain itu, DOA tidak mempunyai kuasa untuk memberi permit, lesen atau khidmat nasihat kepada mana-mana pengusaha yang menyediakan tapak perkhemahan," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Frankie dilaporkan berkata, pihaknya tidak dapat membuat permohonan mendapatkan lesen tapak perkhemahan kerana permit seperti itu tidak wujud.

Beliau berkata, perkara itu dimaklumkan oleh pelbagai agensi kerajaan, termasuk Jabatan Pertanian bahawa tiada lesen seumpama itu boleh dipohon oleh pengusaha tapak perkhemahan.

DOA menyebut, agensi itu hanya berfungsi untuk memberikan khidmat pengembangan pertanian dalam pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.

"Selain itu, DOA bertanggungjawab menguatkuasakan akta yang menjaga keselamatan, kualiti dan melindungi industri pertanian negara daripada ancaman perosak dan penyakit, serta memudahkan perdagangan antarabangsa," menurut kenyataan itu.

Pada 16 Disember lalu, berlaku insiden tanah runtuh sepanjang hampir 300 meter dari ketinggian 70 meter di tapak perkhemahan itu dan mengorbankan 26 nyawa setakat ini, manakala tujuh lagi mangsa masih hilang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | THE VIBES | ONLINE | |


# [UPDATED] Agriculture Dept denies saying campsite licence not required

It refutes claim by Father's Organic Farm spokesman

Updated 13 hours ago · Published on 21 Dec 2022 6:48PM



The Agriculture Department points out that it does not have the authority to give permits, licences, or advice to any operators that offer campsites. – SAIRIEN NAFIS/The Vibes pic, December 21, 2022

**KUALA LUMPUR** – The Agriculture Department (DoA) said it had never told the Father's Organic Farm operators that it was not necessary for its managers to apply for campsite licences.

In refuting a statement made by campsite spokesman Frankie Tan, the department said it had never discussed the matter with the operators, adding that it only advised the farm to obtain the Malaysian Organic Certification Scheme certification.

"The DoA, especially the Hulu Selangor district Agriculture office, has never provided any explanation or discussed the matters such as campsite operations with the operators of Father's Organic Farm as the matter was outside the DoA's jurisdiction," it said, in a statement.

"Apart from that, the DoA does not have the authority to give permits, licences, or advice to any operators that offer campsites."

The department insisted that its role is to provide agricultural development services in food safety and security, apart from quality control, adding that it also protects the country's agriculture industry from the threat of pests and diseases, while also facilitating international trade.

Yesterday, Tan claimed that various government entities, such as the DoA, had told him it was unnecessary for campsite managers to apply for site licences.

Stressing that he was unaware of the campsite section being classified as a high-risk area, he asserted that the "crush of soil" from the landslide had begun on "government land" about 2-3km from the campsite.

Following the tragic landslide on December 16 – which saw a total of 94 victims, seven of which are still missing – Local Government Development Minister Nga Kor Ming said that the campsite in Batang Kali was operating without a licence from the Hulu Selangor District Council.

He added that the operators involved could face up to three years in prison and a maximum fine of RM50,000.

The search-and-rescue operation at the scene of the landslide was halted around 2.30pm today due to rain as search efforts entered their sixth day.

Earlier today, Selangor's Local Government, Public Transport, and New Village Development executive councillor Ng Sze Han said the state government was formulating clear regulations on camping activities following the tragedy.

In a press conference today, Ng said while businesses in the state are properly managed through their licence apart from other regulations, outdoor activities – such as camping or fishing – are considered as sub-categories and not governed by specific terms and conditions.

Ng said proper regulations would mandate operators to comply with terms and conditions and ensure the safety of their patrons.

It was also reported earlier that police had called up the campsite operator and two of its workers to assist in probes into the landslide tragedy.

The earthfall, measuring nearly 300m in length and 70m in height, had hit the campsite located in a canyon below the Batang-Gohtong Jaya road here around 2.42am on Friday.

The operators subsequently took to Facebook to express their condolences over the incident, saying they "humbly bow" to everyone affected. – The Vibes, December 21, 2022

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | THE SUN DAILY | ONLINE | |

# DOA never discussed issuing campsite permit

- *21-12- 2022 10:19 PM*



***BERNAMAPix***

**PUTRAJAYA**: The Department of Agriculture (DOA) has never discussed the campsite permit with the operator of the Father's Organic Farm in Batang Kali, Selangor, which suffered a landslide on Friday (Dec 16) because it is outside the department's jurisdiction.

Referring to a report published by news portals (Mkini and The Vibes) yesterday that the Father's Organic Farm could not apply for a camping site licence because such a permit did not exist, citing the DOA as one of the government agencies that informed them of the matter, the DOA said the claim was untrue.

The DOA said its role was only to provide advisory services related to the process and methods to obtain the Malaysian Organic Scheme certification (myOrganic) as well as visits related to the certification process at Father's Organic Farm.

"The DOA does not have the authority to grant permits, licences or advisory services to any operators that offer campsites," the department said in a statement today

The DOA said it functions to provide agricultural development services in the production of sufficient, quality and safe food items and enforce acts that maintain the safety, quality and protect the country's agricultural industry from the threat of pests and diseases and facilitate international trade.

The 2.42 am landslide tragedy on Friday (Dec 16) saw 61 people survive, 26 die and seven more victims are still unaccounted for out of 94 people.-*Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |




# Agriculture Dept denies discussing campsite licence requirements

Published: Dec 21, 2022 7:36 PM

The Agriculture Department (DOA) has denied providing its feedback to Father's Organic Farm in Batang Kali, Selangor, regarding licensing requirements for setting up a campsite at the farm.

It said its jurisdiction is limited to providing advisory services to the farm regarding certification under the Malaysian Organic Certification Scheme (myOrganic) and...

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | THE STAR | ONLINE | |

# Batang Kali landslide: We never said camping licenses are not needed, says Agriculture Dept

PETALING JAYA: The Agriculture Department has denied having discussions with Father's Organic Farm operators on campsite operations as it does not have the authority on the matter.

It said the department, specifically the Hulu Selangor Agriculture Office, never held discussions with Father's Organic Farm operators on the matter following media reports quoting the camping site's spokesman saying that government entities, including the Agriculture Department, had mentioned it was unnecessary for campsite managers to apply for such licences.

"This is false. The Agriculture Department only advised Father's Organic Farm on processes to obtain an agricultural certificate, while also conducting site visits there.

"The Agriculture Department also does not have the authority to issue permits, licences or advice for campsite operations," it said in a statement on Wednesday (Dec 21).

In a press conference on Tuesday (Dec 20), Father's Organic Farm spokesperson Frankie Tan said they had attempted to apply for a campsite permit but were told by several government authorities, including the Agriculture Department, that it was not necessary.

A landslide, which occurred along the Batang Kali-Genting Highlands stretch in the wee hours of Dec 16 hit Father's Organic Farm, leaving 26 dead with seven victims yet to be found.

Search operations at the site are currently in its sixth day, with operations temporarily halted on Wednesday evening due to continuous rain.

https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/21/batang-kali-landslide-we-never-said-camping-licenses-are-not-needed-says-agriculture-dept

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | THE MALAY MAIL | ONLINE | |

# Batang Kali landslide: Agriculture Dept says never discussed issuing campsite permit with operator of Father's Organic Farm



The DOA said its role was only to provide advisory services related to the process and methods to obtain the Malaysian Organic Scheme certification (myOrganic) as well as visits related to the certification process at Father's Organic Farm. — Bernama pic

*Wednesday, 21 Dec 2022 10:36 PM MYT*

PUTRAJAYA, Dec 21 — The Department of Agriculture (DOA) has never discussed the campsite permit with the operator of the Father's Organic Farm in Batang Kali, Selangor, which suffered a landslide on Friday because it is outside the department's jurisdiction.

Referring to a report published by news portals (*Malaysiakini* and *The Vibes*) yesterday that the Father's Organic Farm could not apply for a camping site licence because such a permit did not exist, citing the DOA as one of the government agencies that informed them of the matter, the DOA said the claim was untrue.

The DOA said its role was only to provide advisory services related to the process and methods to obtain the Malaysian Organic Scheme certification (myOrganic) as well as visits related to the certification process at Father's Organic Farm.

"The DOA does not have the authority to grant permits, licences or advisory services to any operators that offer campsites," the department said in a statement today

The DOA said it functions to provide agricultural development services in the production of sufficient, quality and safe food items and enforce acts that maintain the safety, quality and protect the country's agricultural industry from the threat of pests and diseases and facilitate international trade.

The 2.42am landslide tragedy on Friday saw 61 people survive, 26 die and seven more victims still unaccounted for out of 94 people. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Agrobank tawar moratorium enam bulan

**SHAH ALAM** – Agrobank mengumumkan Pelan Bantuan Banjir dengan menawarkan penjadualan atau penstrukturan semula pembiayaan dan tawaran moratorium sehingga enam bulan khusus kepada pelanggannya yang terkesan banjir.

Agrobank memperkenalkan pelan itu untuk memberikan sokongan dan membantu pelanggannya yang terkesan banjir yang melanda sejak seminggu lalu.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, sebagai sebuah institusi pembangunan kewangan (IKP) yang prihatin, Agrobank bertanggungjawab untuk memastikan pelanggannya dibantu.

Menurutnya, pelan itu telah dirangka khusus untuk membantu mereka membangunkan semula perniagaan sekali gus memberi ruang untuk mereka mengatur semula rancangan perniagaan masing-masing.

"Agrobank turut memberikan pengecualian caj bagi penggantian kad ATM dan buku simpanan yang telah musnah akibat banjir.

"Bagi pelanggan yang layak, mereka boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan yang ditawarkan ini menerusi borang disediakan di laman sesawang Agrobank.

"Agrobank juga akan meletakkan perkara ini sebagai keutamaan di mana kami juga akan turut menghubungi pelanggan yang terkesan bagi membantu mereka menghadapi situasi yang sukar ini," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, keputusan itu dibuat ketika lawatan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu ke ibu pejabat Agrobank, di Kuala Lumpur pada Selasa.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan Agrobank di **1300-88-2476**.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 36 |


# Agrobank tawar moratorium enam bulan kepada pelanggan terjejas banjir

**PETALING JAYA:** Agrobank menawarkan penjadualan atau penstrukturan semula pembiayaan (R&R) serta tawaran moratorium sehingga enam bulan sebagai sokongan membantu para pelanggannya yang terkesan berikutan banjir yang melanda sejak seminggu lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya prihatin dengan nasib para pelanggan yang terpaksa berdepan pelbagai cabaran akibat bencana banjir yang melanda kawasan masing-masing sehingga menyebabkan kerosakan harta benda, ternakan dan ladang serta menjejaskan aktiviti pertanian mereka.



**MENTERI** Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu (dua dari kanan) melawat ibu pejabat Agrobank di Kuala Lumpur, kelmarin.

Ujarnya, sebagai sebuah institusi pembangunan kewangan (IKP) yang prihatin, Agrobank bertanggungjawab untuk memastikan pelanggan sentiasa dilindungi dan dibantu.

"Justeru, sebagai usaha untuk menyuntik semangat buat para pelanggan, kami telah merangka Pelan Bantuan Banjir khusus untuk membantu mereka membangunkan semula perniagaan sekali gus memberi ruang untuk mereka mengatur semula rancangan perniagaan masing-masing.

"Selain daripada dua tawaran yang dinyatakan, Agrobank turut memberikan pengecualian caj bagi penggantian kad ATM dan buku simpanan yang telah musnah akibat banjir.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | THE MALAY MAIL | ONLINE | |

# Agrobank offers assistance for customers affected by floods



A man wades through floodwaters with a child on his back in Pasir Mas, December 21, 2022. — Bernama pic

*Wednesday, 21 Dec 2022 8:56 PM MYT*

KUALA LUMPUR, Dec 21 — Agrobank is offering a flood relief assistance plan which includes the rescheduling and restructuring of financing as well as a moratorium of up to six months for affected customers.

President and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said as a development financial institution, Agrobank is responsible for ensuring its customers are given protection and assistance.

The flood relief assistance plan is formulated to assist customers in rebuilding their businesses and provide them some respite to reorganise business plans.

"Agrobank also provides a waiver of charges for replacement of ATM cards and passbooks destroyed by the floods," he said in a statement in conjunction with Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu's visit to Agrobank's headquarters today.

Eligible customers, he said, can apply for the facilities offered through the form provided on Agrobank's website.

Meanwhile, Mohamad Sabu said the plan is expected to ease the burden faced by flood victims as well as ensuring the wellbeing of the agropreneur community is safeguarded.

"This will ensure the continued development of their agriculture business while increasing the socioeconomic sustainability of the agriculture community and improving the country's food security," he said. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# Pastikan kualiti, harga telur import terjamin



TELUR import perlu dijual pada harga yang tidak membebankan peniaga dan pengguna.

**PETALING JAYA:** Langkah kerajaan untuk mengimport telur ayam bukan penyelesaian jangka panjang yang berdaya maju memandangkan secara umumnya ia lebih mahal selain kualitinya yang mudah rosak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, jika harga telur import dijual pada harga yang mahal, ia kekal menyulitkan peniaga dan pengguna.

Selain itu katanya, umum tahu telur sangat mudah rosak jika disimpan dalam tempoh lama dan sekiranya diimport ia akan disimpan dalam tempoh beberapa hari dan akhirnya telur yang sampai kepada peniaga diragui kualitinya.

"Ini sebenarnya langkah yang tidak praktikal, telur pun kita kena import tetapi, kita tiada pilihan dan terpaksa import untuk memastikan rakyat negara ini mendapat bekalan untuk kegunaan harian termasuk para peniaga.

"Cuma, apa yang kena lihat ialah soal harga dan kualiti telur...Kita tidak mahu telur yang sampai sudah tiada kualiti dan rosak akibat proses import yang lama. Jadi, bagi saya, ini bukanlah satu kaedah yang boleh dibuat secara berterusan.

"Kerajaan kena fikirkan untuk kita bina semula industri telur ini, biar ada bekalan dalam negara oleh penternak kita. Apa yang kurang sebelum ini kita baiki demi memastikan kita tidak terputus bekalan seperti sekarang," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari mulai Khamis ini untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan selain bagi tujuan mengawal harganya.

"Kita sudah buat perubahan dengan memberikan import bermula pada 15 Disember dengan 100,000 biji telur (import) dan mulai 22 Disember, dua hingga 10 juta biji telur sehari akan dibawa masuk sehingga keadaan stabil dan pengeluaran tempatan terjamin," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |



SEORANG lelaki melihat bekalan telur yang masih sukar diperoleh di sebuah kedai runcit di Johor Bahru semalam.

## Pelanggan kecewa barang keperluan itu cepat habis

# Telur, minyak masak peket masih kurang

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Orang ramai di negeri ini keliru dengan kenyataan pihak berkuasa yang memaklumkan barangan keperluan seperti telur dan minyak peket bersubsidi telah pulih, sedangkan hakikatnya ia masih sukar diperoleh.

Rata-rata mereka memaklumkan, biarpun mencari di beberapa kedai, namun kedua-dua barangan keperluan itu tiada di rak kedai, kalau adapun dalam kuantiti sedikit.

Seorang pengguna, Siti Maishara Supaid, 37, berkata, dia sendiri mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan telur dan minyak masak peket bersubsidi setiap kali ke kedai berhampiran rumahnya.

Katanya, dia masih keliru dengan keadaan itu kerana sebelum ini, pihak berkuasa memaklumkan bekalannya telah pulih.

"Sukar untuk mendapat bekalan telur serta minyak peket khususnya di kawasan perumahan melibatkan kedai-kedai runcit atau pasar raya kecil.

"Hanya selepas beberapa kali berkunjung ke kedai, baru jumpa. Realitinya ia masih sukar diperoleh," katanya di sini semalam.

Seorang lagi pengguna, Mohd. Badrull Hisyam Adam, 32, memberitahu, dia mengurangkan penggunaan telur ayam dalam menu harian keluarga kerana bekalan sukar diperoleh.

"Sudah lama rasanya saya tidak membelinya, sebaliknya kini saya beli minyak masak botol untuk kegunaan harian," ujarnya.

Tinjauan yang dibuat di beberapa premis perniagaan di sini mendapati, bekalan kedua-dua barangan itu masih sukar diperoleh, terutamanya pada waktu petang dan malam.

Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor sentiasa membuat pemeriksaan bekalan barangan keperluan pengguna bagi memantau kedudukan bekalan serta kenaikan harga.

Pengarahnya, Mohd. Hairul Anuar Bohro berkata, seramai 200 anggota penguat kuasa ditugas untuk menjalankan pemantauan dan pemeriksaan supaya bekalan barangan keperluan harian mencukupi.

"Kami ambil maklum aduan pengguna tentang bekalan serta kenaikan harga, khususnya melibatkan telur ayam dan minyak masak peket di lokasi tumpuan ramai seperti pasar awam dan pasar basah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/12/2022 | THE STAR | NATION | 2 |

# Egg shortage in one-third of outlets in Selangor

**KAPAR:** About 40 out of 110 premises in Selangor were found to be facing a shortage of eggs after enforcement officers carried out the four-day statewide Op Terjah.

Selangor Domestic Trade and Cost of Living director Mohd Zuhairi Mat Radey said three premises were found to have a shortage of chickens while 26 premises lacked a supply of subsidised cooking oil.

"Only one outlet had no stock of cooking oil.

"We found that the supply of eggs and cooking oil was mostly short in Petaling Jaya.

"However, the supply of basic necessities like bottled cooking oil and flour is stable," he told reporters when met at a supermarket here yesterday, Bernama reported.

Mohd Zuhairi said inspections were carried out in stages and targeted premises selling basic necessities such as markets, mini markets, retail stores, small hawker stalls and eateries.

He said they would utilise a traffic light mechanism to monitor the supply of basic necessities such as chicken, chicken eggs and cooking oil at these premises.

"This system uses the green code (sufficient supply), yellow (insufficient supply) and red (no supply) to assist us in taking comprehensive action and ensure that the supply of necessities is not affected," he said.